

KEPELBAGAIAN METODE SANAD DAN SHAJARAT AL-ASĀNĪD DI DALAM SAHIH MUSLIM

[The Diversity of Sanad Methods and Shajarat Al-Asānīd in Sahih Muslim]

SITI MURSYIDAH MOHD ZIN*¹, PHAYILAH YAMA¹, MUHAMMAD AIZAT
SYIMIR ROZANI¹, NUR SAADAH HAMISAN@KHAIR², AISYAH MAT JASIN³

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

² Universiti Sains Islam Malaysia, USIM

³ Universiti Teknologi Mara, UiTM

* Corresponding Author: Siti Mursyidah binti Mohd Zin. Faculty of Islamic Civilisation Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Selangor, Malaysia. email: sitimursyidah@kuis.edu.my

Keywords:

Imam Muslim, Sanad,
Method, Sahih Muslim,
Shajarat al-Asānīd

ABSTRACT

Sahih Muslim is a well-known book of authentic hadith and the distinctive method of compiling the chain (of hadith) in the book makes it very unique among the Islamic Scholars. The hadiths in Sahih Muslim are arranged in a very interesting method, especially in terms of summarizing the sanad and turuq hadith because it is very different compared to other books of hadith. Therefore, this study is conducted to examine the variety of methods regarding the sanad hadith in Sahih Muslim. This paper is a qualitative study with an ethnography design. It uses documents as research instruments and it is analyzed with an inductive approach. The study results found that Imam Muslim has his own method in writing sanad by combining his teachers with conjunctions al-'Atf. This combination is in order to merge some sanad of hadith with the method of wāw al-'Atf and al-Tahwīl. Hence, the method used by Imam Muslim has highlighted the greatness of the muhaddithin in writing the book of hadith.

Kata Kunci:

Imam Muslim, Sanad,
Metode, Sahih Muslim,
Shajarat al-Asānīd

ABSTRAK

Sahih Muslim merupakan sebuah kitab hadis sahih yang tidak asing lagi malah perbezaan metode penyusunan sanad di dalamnya menjadikan kitab ini sangat unik dalam kalangan sarjana islam. Hadis-hadis di dalam Sahih Muslim disusun dengan metode yang sangat menarik, terutamanya dari segi ringkasan sanad dan *turuq* hadis kerana ia sangat berbeza berbanding dengan kitab-kitab hadis yang lain. Maka kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneliti kepelbagaian metode sanad hadis yang terdapat di dalam Sahih Muslim. Penulisan ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan reka bentuk etnografi. Ia menggunakan dokumen sebagai instrumen kajian dan dianalisis dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati Imam Muslim mempunyai metode yang tersendiri dalam penulisan sanad dengan menggabungkan para guru beliau dengan kata hubung al-'Atf. Gabungan ini bertujuan untuk

menggabungkan beberapa sanad hadis dengan kaedah *wāw al-‘Af* dan *al-Taḥwīl*. Justeru secara tidak langsung metode yang digunakan oleh Imam Muslim ini telah menonjolkan kehebatan para *muḥaddithīn* di dalam penulisan kitab hadis.

Received: October 1, 2022

Accepted: November 30, 2022

Online Published: December 31, 2022

1. Pendahuluan

Sahih Muslim merupakan gelaran bagi kitab *al-Jāmi’ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min al-Sunan bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adl ‘an Rasul Allah Ṣalla Allah ‘Alayh wa Sallam* (Abu Ghuddah, 2014). Ianya disusun oleh Imam Abū al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjāj Ibn Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī yang lahir pada tahun 204 hijrah dan meninggal pada tahun 261 hijrah (Al-Dhahabī, 1954).

Menurut Mohd Faiz Hakimi et al. (2015), kitab Sahih Muslim mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang menyebabkan kitab ini menjadi begitu unik dalam kalangan sarjana islam. Hadis-hadis di dalamnya telah disusun dalam satu metode yang menarik, malah ketelitian Imam Muslim di dalam pemilihan riwayat-riwayat hadis, serta metode ringkasan sanad dan *ṭuruq* hadis yang dikemukakan dalam bentuk yang begitu asing berbanding kitab hadis yang lain.

Selain itu menurut Mohd Faiz Hakimi et. al (2015) lagi di dalam kajian yang bertajuk *Metodologi Imam Muslim Dalam Penyusunan Teks Hadith Dalam Sahihnya* bertujuan untuk memperlihatkan metodologi Sahih Muslim daripada aspek paparan teks hadis yang dirintis oleh Imam Muslim. Kajian ini telah membuktikan bahawa Imam Muslim mempunyai cara dan pendekatan yang tersendiri dalam penyusunan teks hadis dalam sahih beliau melalui beberapa pendekatan yang merangkumi dengan periwayatan hadis *al-Mu‘al*, *al-Muṣaḥhaf* dan *al-Muḥarraḥ*, *al-Maqlūb*, *al-Abwāb al-Ḥadīthiyyah*, pengulangan hadis, *Mushkil al-Ḥadīth*, *al-Nāsikh wa al-Mansūkh* dan *Ḥadīth al-Mudraj*.

Nūr al-Dīn ‘Itr (1998) menjelaskan bahawa Imam Muslim sangat menjaga sanad hadis dengan pelbagai metode. Beliau telah mempelbagaikan metode penulisan sanad di dalam kitab Sahihnya seperti yang dilakukan oleh imam-imam hadis yang lain, malah beliau juga menggabungkan beberapa sanad menjadi satu seperti menggunakan kaedah *al-Taḥwīl*, malah beliau juga menyebut apa yang menjadi perbezaan dan disepakati di antara para perawi dan lain-lain lagi.

Abd Wahid (2018) telah menjelaskan di dalam menilai hadis yang akan dimuat ke dalam kitab Sahihnya, Imam Muslim menggunakan kriteria yang sama seperti yang digunakan oleh Imam Bukhārī. Kriteria umum yang digunakan Imam Muslim ialah hadis yang diriwayatkannya itu bersambung-sambung sanadnya, diriwayatkan oleh orang-orang dipercayai (*thiqah*) serta terhindar dari *syudhūd* (yang menyalahi hadis lain yang sahih dan *‘illat* (alasan hukum). Mengenai persambungan antara sanad yang meriwayatkan (*rāwī*) dengan yang menerimanya (*marwī ‘anhu*) menurut Imam Muslim hanya cukup syarat *mu‘āṣarah* (sezaman) saja, tidak harus terjadi pertemuan atau *liqā’* antara keduanya. Di sini Imam Muslim lebih longgar daripada syarat Imam al-Bukhārī.

Selain itu sebuah kajian inovasi berbentuk *e-Mobile* telah dilakukan bagi sanad-sanad yang terdapat di dalam Kitab Sahih Muslim di dalam (*Kitāb al-Imān*) yang hanya mengkaji 9 *shajarat al-Asānīd* dan hanya memfokuskan kepada *e-Mobile* (android) sahaja. (Phayilah, Norzi, Azli, Saadah, Abdul Hadi, Abdul Aziz, Azwanie, Liyana:2017) Kajian ini telah dilaksanakan pada tahun 2018. Kajian ini telah menghasilkan *e-Mobile* bagi *shajarat al-Asānīd* yang menjadi kegunaan kepada pelajar-pelajar dan penyelidik di dalam bidang hadis.

Justeru, kehebatan dan kelainan yang dinukilkan oleh Imam Muslim menyebabkan kajian tentang Kitab Sahih Muslim ini masih giat dijalankan hingga kini.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen. Kitab Sahih Muslim telah dianalisis untuk melihat kaedah yang digunakan oleh Imam Muslim ketika menerangkan sanad-sanad hadis. Beberapa contoh sanad dan *matan* hadis telah dipilih secara rawak bagi menjelaskan jenis-jenis sanad yang terdapat di dalam kitab hadis beliau

2. Definisi Sanad dan *Shajarat al-Asānīd*

Imam Muslim telah mengumpulkan sebanyak 5,770 buah hadis (termasuk hadis yang berulang). Manakala bagi hadis yang berulang termasuk hadis-hadis yang mempunyai *mutāba'āt* dan *syawāhid* menjadikan di dalam Sahih Muslim 7385 hadis. ('Abd al-Majīd al-Ghawrī, 2018)

Di dalam istilah bahasa Arab, *shajarat al-Asānīd* terbina melalui dua perkataan iaitu *Shajarat* dan *Al-Asānīd*. *Shajarat* adalah kata *jamak* dari *shajarah* yang bermaksud pokok. Manakala *al-Asānīd* pula adalah *jamak* dari perkataan *sanad*. *Sanad* menurut bahasa ialah menguatkan, dan ia menjadi faktor yang penting dalam penerimaan sesuatu *matan* atau isi sesuatu hadis dan dijadikan sebagai hujah. *Matan* sesuatu hadis tidak diterima tanpa menyebutkan *sanadnya* (Maḥmūd Ṭaḥḥān: 2011). Dalam kata lain Maḥmūd Ṭaḥḥān telah (2011) telah mendefinisikan sanad sebagai rantaian perawi yang menghubungkan kepada *matan* hadis.

Kamus Istilah Hadis (2012) pula menjelaskan *shajarat al-Asānīd* ialah gambaran yang tersusun (teratur) yang menjelaskan perjalanan perpindahan sesuatu riwayat dan cabang-cabangnya antara para perawi yang meriwayatkannya. Bermula daripada nabi SAW sehingga ke penghujung *isnād*. Dengan gambaran (rangkaian) ini dapat diketahui tempat-tempat yang bersambung (sanad) dan terputus, *irsāl* dan sebagainya daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan sanad hadis. ('Abd al-Majīd al-Ghawrī, 2012).

Selain itu Payiliah Yama (2019) mendefinisikan *Shajarat al-Asānīd* sebagai gambaran yang menunjukkan jalan periwayatan sesebuah hadis dan sanad yang saling bersambung di antara perawi dan *matan* hadis. *Shajarat al-Asānīd* ini boleh di buat secara mendatar atau menegak, dan sama ada turun atau naik. Selain itu ia akan secara tidak langsung akan menjelaskan sesebuah sanad itu mempunyai *mutāba'āt* atau *shawāhid*.

Menurut Payiliah Yama lagi (2019) diantara kepentingan *Shajarat al-Asānīd* ialah (i) dapat menyingkap kesepakatan perawi di dalam sesebuah periwayatan hadis. (ii) menjelaskan *mutāba'āt* yang lengkap bagi sesebuah hadis (iii) menonjolkan kekuatan sesebuah hadis (iv) membuktikan sanad yang bersambung di antara seorang perawi dengan perawi selepasnya dan (v) dapat membezakan perawi yang terkenal dan tidak terkenal.

Walaubagaimana pun penggunaan kaedah tradisional dalam pembentukan *shajarat al-Asānīd* tidak banyak membantu terutama bagi para pelajar kerana kelemahan mereka dalam penyusunan sanad (Farhah Zaidar Mohammad Ramli etl, 2016).

Maka dapat difahami pada umumnya *shajarat al-Asānīd* merupakan gambaran perjalanan bagi sesebuah hadis yang akan memudahkan seseorang pengkaji mengetahui kedudukan atau darjat hadis tersebut.

3. Dapatan Kajian

Justeru pengkaji mendapati terdapat tiga jenis sanad yang digunakan oleh Imam Muslim bagi menghuraikan hadis-hadis yang beliau riwayatkan iaitu:

1. Sanad hadis yang jelas seperti hadis yang biasa dilakukan oleh perawi hadis yang lain.

Kaedah penulisan sanad ini adalah kaedah yang sering digunakan oleh kebanyakan perawi hadis ketika meriwayatkan hadis. Melalui periwayatan sanad yang jelas seperti ini pengkaji mendapati ia sangat mudah

difahami dan mudah untuk melakarkan *shajarat al-Asānīd*. Di antara contoh hadis yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW di dalam Sahih Muslim adalah seperti berikut:

حدثنا يحيى بن يحيى أخبرنا هشيم عن مغيرة عن إبراهيم عن الأسود عن عائشة قالت رخص رسول الله صلى الله عليه وسلم لأهل بيت من الأنصار في الرقية من الحمة

(Imam Muslim, Sahih Muslim, *Kitab al-Salām, Istihbāb al-Ruqyah min al-‘Ayn wa al-Namla wa al-Ḥumma wa al-Nazar*, No 2193)

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami Yahya bin Yahya telah mengkhabarkan kepada kami Husyaim dari Mughirah dari Ibrahim dari al-Aswad dari Aisyah RA telah berkata: Rasulullah SAW telah memberikan *rukhsah* atau keringanan kepada ali bait dari kalangan Ansar di dalam ruqyah ketika demam.



Rajah 1: *Shajarat al-Asānīd* yang biasa dilakukan oleh perawi hadis yang lain.

1. Sanad hadis yang menggabungkan diantara perawi menggunakan metode *wāw al-‘Aḥf*.

Huruf *wāw* mempunyai beberapa jenis. Jika dilihat dari sudut fungsinya, terdapat huruf *wāw* yang berfungsi dan ada yang tidak berfungsi. Adapun *wāw ‘Aḥf* termasuk dalam kategori *wāw* yang mempunyai fungsi. *‘Aḥf* bermaksud menggabungkan antara perkataan dengan perkataan sama ada yang berbentuk kata nama atau kata kerja yang mana *ma ‘tūf* akan mengikuti *ma ‘tūf ‘alayh* dari sudut hukum dan *i ‘rāb*. (Mohamad Hussin, 2019). Manakala *wāw al-‘Aḥf* adalah huruf yang menghubungkan dua perkataan sebelum dan selepasnya.


Menurut ‘Abd al-Majīd al-Ghawri (2018) Imam Muslim banyak menggunakan kaedah mengumpulkan para imam hadis dengan kata hubung iaitu *al-‘Aḥf* dengan huruf *wāw* Metode ini menunjukkan salah satu kelainan di dalam metode penulisan sanad beliau, malah beliau dapat membuat ringkasan sanad dan *ṭuruq* hadis adalah dengan menggabungkan para guru beliau yang merupakan di antara perawi hadis dengan kata hubung *wāw al-‘Aḥf*. Di antara contohnya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW:

حدثنا عبد الله بن عبد الرحمن الدارمي وحجاج بن الشاعر وأحمد بن خراش قال عبد الله أخبرنا وقال الآخرون حدثنا مسلم بن إبراهيم قال حدثنا وهيب عن ابن طائوس عن أبيه عن ابن عباس عن النبي صلى الله عليه وسلم قال العين حق ولو كان شيء سابق القدر سبقته العين وإذا استغسلتم فاغسلوا

(Imam Muslim, Sahih Muslim, *Kitab al-Salām, Bab Al-Ṭib Wa Al-Maraḍ Wa Al-Ruqā'*, No 2188)

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami dari Abdullah bin ‘Abd al-Rahmān al-Dārimī dan Hajjāj bin al-Syair dan Amad bin Kharash dan berkata Abdullah dan berkata semua mereka dari Muslim bin Ibrahim berkata menceritakan dari kami Wuhaib dari Ibn Taawus dari ayahnya dari Ibn Abbas ra Rasullulla SAW berkata: “ ‘*Ain* itu haq dan seandainya ada sesuatu yang mendahului takdir maka ‘*ain*-lah yang mendahuluinya. Jika kalian diminta untuk mandi, maka mandilah.”



Rajah 2: *Shajarat al-Asānīd* yang menggunakan metode *al- 'At*
 f

2. Menggabungkan beberapa sanad hadis yang mempunyai matan yang sama dengan menggunakan metode *al-Taḥwīl* .

‘Abd al-Majīd al-Ghawrī (2018) menjelaskan lagi Imam Muslim juga merupakan salah seorang ulama hadis yang paling banyak menghimpunkan sanad dan menghubungkannya dengan menggunakan huruf “*Ḥā*” yang menunjukkan ianya bermaksud *al-Taḥwīl*.

Kamus Istilah Hadits (2012) menjelaskan *al- Taḥwīl* dari segi bahasa merupakan *maṣḍar* bagi perkataan *Hawwala – Yuḥawwilu* maknanya ialah mengubah sesuatu atau memindahkannya dari satu tempat ke satu tempat atau mengembalikan sesuatu kepada sumber asalnya. Manakala dari segi istilah *al-Taḥwīl* bermaksud menulis huruf yang berupa ح (ha tanpa titik dan tidak bersambung). Para ulama hadis menulis huruf ini ketika tidak berlakunya perpindahan daripada satu sanad kepada sanad yang lain apabila suatu hadis itu mempunyai dua sanad atau lebih. Tulisan huruf ini adalah untuk menunjukkan perpindahan sanad tersebut. Menurut pendapat Ibn Ṣalāḥ cara terbaik untuk sesiapa yang bertemu dengan huruf ini semasa membaca hadis ialah dia membacanya sepertimana iaitu (ح) kemudian dia menyambung bacaannya yang seterusnya tanpa perlu menyebut “*al-Taḥwīl*” “*al-ha*” atau “*al- Ḥadīth*”

Walaubagaimana pun menurut Nūr al-Dīn ‘Itr (1998) menjelaskan terdapat percanggahan di dalam memahami maksudnya. Sesetengah ulama hadis memberi maksud sahih dan sebahagian mereka mengatakan ia berasal dari kalimah tetapi menurut pendapat yang terpilih cara menyebutnya ialah dengan menyebut “*ha*” dan meneruskan bacaan.

Di dalam Sahih Muslim terdapat banyak hadis yang menggunakan metode *al-Taḥwīl* menggunakan huruf “*ḥā*” . Ada diantara hadis *al-Taḥwīl* menggunakan huruf “*ḥā*” yang sedikit seperti dua atau tiga “*ḥā*” . Maka ia agak mudah difahami jalan periwayatan hadis tersebut. Diantara contohnya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Rasullullah SAW menggunakan dua atau tiga “*ḥā*” seperti:

حدثنا محمد بن رومح بن المهاجر أخبرنا الليث عن عقيل عن ابن شهاب أخبرني أبو سلمة بن عبد الرحمن وسعيد بن المسيب أن أبا هريرة أخبرهما أنه سمع رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول إن في الحبة السوداء شفاء من كل داء إلا السام والسم الموت والحبة السوداء الشونيز

وحدثني أبو الطاهر وحرمة قالوا أخبرنا ابن وهب أخبرني يونس عن ابن شهاب عن سعيد بن المسيب عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم **ح**

وحدثنا أبو بكر بن أبي شيبة وعمرو الناقد وزهير بن حرب وابن أبي عمر قالوا حدثنا سفيان بن عيينة **ح**

وحدثنا عبد بن حميد أخبرنا عبد الرزاق أخبرنا معمر **ح**


وحدثنا عبد الله بن عبد الرحمن الدارمي أخبرنا أبو اليمان أخبرنا شعيب

كلهم عن الزهري عن أبي سلمة عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم بمثل حديث عقيل وفي حديث سفيان ويونس الحبة السوداء ولم يقل الشونيز.

(Imam Muslim, Sahih Muslim, *Kitab al-Salam, Bab al-Tadwī bi al-Ḥabbah al-Sawdā'*, No 2215)

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Ibn Rami Ibn al-Muhajir telah mengkhabarkan kepada kami dari al-Lait dari U'qail dari Aib Syihab telah mengkhabarkan kepada kami dari Abi Salamah Ibn Abdul Rahman dan Said Ibn Musayyab sesungguhnya Abu Huraira telah mengkhabarkan kepada mereka berdua bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW berkata : Sesungguhnya Habbatussauda penawar bagi segala penyakit kecuali al-Samma (iaitu mati).




Rajah 3: Gabungan beberapa sanad hadis yang mempunyai matan yang sama dengan menggunakan motede *al-Tahwil*

Selain itu terdapat juga beberapa sanad hadis yang menggabungkan beberapa sanad hadis yang mempunyai matan yang sama dengan menggunakan metode *wāw al-'Aff* dan *al-Tahwil* .

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى، قَالَ: أَخْبَرَنَا هُشَيْمٌ، عَنْ عَبْدِ الْعَزِيزِ بْنِ صُهَيْبٍ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، وَحَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَزُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ، عَنْ ابْنِ عُثَيْمٍ، عَنْ عَبْدِ الْعَزِيزِ بْنِ صُهَيْبٍ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، وَحَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ عَبْدِ الْعَزِيزِ بْنِ صُهَيْبٍ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "تَسَحَّرُوا فَإِنَّ فِي السُّحُورِ بَرَكََةً".

(Imam Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Ṣiyām, Bab Faḍl al-Sahūr wa Ta'kid Istihbābihi Ta'khīrihi wa Ta'jīl al-Iftār No 1835)



Rajah 4: Gabungan beberapa sanad hadis yang mempunyai matan yang sama dengan menggunakan motede *wāw al-‘Atf* dan *al-Tahwil*

4. Perbincangan

Apabila diteliti kebiasaannya hadis-hadis yang telah digabungkan beberapa sanad apabila mempunyai *matan* yang sama dengan menggunakan huruf “*hā*” ini sanad-sanadnya akan menjadi lebih panjang berbanding hadis-hadis, namun begitu Imam Muslim tidak mengulangi menyebut lafaz *matan* malah beliau kebiasaannya akan melafazkan kalimah “*بنحوه*” di akhir sanad. Selain itu terdapat juga diantara hadis yang digabungkan menggunakan metode “*al-Tahwīl*” ini agak sukar untuk dilakarkan *shajarat al-Asānīd* berbanding dengan metode yang biasa digunakan oleh perawi-perawi hadis yang lain. Selain itu memahami *shajarat al-Asānīd* menggunakan metode *wāw al-‘Atf* dan gabungan metode *wāw al-‘Atf* dan *al-Tahwīl* akan bertambah sukar sekiranya seseorang itu tidak mempunyai pengetahuan tentang ilmu *al-Rijāl* serta *Ilmu Dirāsāt al-Asānīd* yang mendalam. Justeru ia memerlukan lebih banyak latihan dan perlu mengesahkan *shajarat al-Asānīd* yang dibuat kepada mereka yang pakar di dalam bidang *Dirāsāt al-Asānīd*.

Jelas pengkaji berpendapat para *muhaddithīn* sejak dari zaman dahulu mempunyai metodologi tersendiri dalam menerima, meriwayatkan dan menyusun hadis-hadis Rasulullah SAW sehinggalah ia berada di tahap yang ada sekarang. Kesemua ini adalah untuk menjaga autoriti dan keaslian hadis itu sendiri yang merupakan sumber utama Syariat Islam.

5. Kesimpulan

Hasil kajian mendapati Imam Muslim mempunyai metode yang tersendiri dalam penulisan sanad malah beliau juga turut menggabungkan para guru beliau dengan kata hubung *wāw al-‘Atf* bagi menggabungkan beberapa sanad hadis dengan kaedah *al-Tahwīl*. Justeru secara tidak langsung metode yang di gunakan oleh Imam Muslim ini telah menonjolkan kehebatan para muhadithin di dalam penulisan kitab hadis.

Rujukan

- Abd Wahid. 2018. Studi Terhadap Aspek Keunggulan Kitab Sahih Muslim Terhadap Shahih Bukhari. *Jurnal Ilmiah Islam Futura* Vol. 17. No. 2, 312-326.
- Abu Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Dhahabī (1954). *Tadhkirah al-Huffāz*. Dā'irah al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah
- Abu Ghuddah 'Abd al-Fattāh (2014). *Al-Isnād min al-Dīn*. Maktabah al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah.
- Farhah Zaidar Mohammad Ramli, Phayilah Yama, Zainora Daud, Nur Sarah tajul dan Farah Nur Rasyida Rosnan. 2015. *Kajian Perbandingan takhrij Hadis di IPT-IPT Malaysia*. Geran Penyelidikan Dalam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Maḥmūd al-Ṭaḥḥān. 2011. *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Mohamad Hussin, Muhammad Hakim bin Kamal. 2019. Gaya Bahasa 'Aṭf Dalam Surah Al-Rūm. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* Vol 6 Bil 2. m/s 1-16.
- Mohd Faiz Hakimi bin Mat Idris, Ishak bin Suliaman, Ahmad Zahid bin Salleh, Sofyuddin bin Yusof, Abdillahi Hisham bin Abdul Wahab, Mohd A'Tarahim bin Mohd Razali dan Nor Hafizi Yusof. 2015. Metodologi Imam Muslim Dalam Penyusunan Teks Hadith Dalam Sahihnya. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* ISSN 2289 6325 Bil. 10.
- Muslim. Imam al-Hafiz Abu al-Hussain bin Muslim bin al-Hujjaj. 1998. *Sahih Muslim*. Amman, Jordan: Bait al-Afkar al-Daulah.
- Nūr al-Dīn 'Itr .1998. *Imam al-Tirmidhī wa al-Muwāzanah bayna Jāmi'ihī wa bayna al-Ṣaḥīḥayn*. Bairut: Muasasah al-Risalah.
- Phayilah Yama. 2019. *Mudhākirah 'Ilm Takhrij al-Ḥadīth*. Kajang, Selangor: Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor.
- Phayilah Yama, Mohd Norzi bin Nasir, Noor Azli bin Mohamed Masrop, Nur Saadah Hamisan, Abdul Hadi Awang, Acdul Azis Awang Kechik, Siti Azwanie Che Omar dan Nur Liyana Ahmad Nazir. 2017. *Perisian Kursus Pemetaan Shajarat al-Asanid dalam Sahih Muslim (Kitab Iman) berasaskan Pembelajaran Mobil (M-Pembelajaran)*. Geran Penyelidikan Inovasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- 'Abd al-Majīd al-Ghawrī. 2012. Kamus Istilah Hadith. Selangor: Dar al-Syakir. Institut Kajian Hadis, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor.
- 'Abd al-Majīd al-Ghawrī. 2018. *al-Ta'rīf al-Wajīz bi Manhaj Ashhar al-Muṣannaḥīn fī al-Ḥadīth*. Selangor: Dar al-Syakir. Institut Kajian Hadis, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor.